



**TEKS UCAPAN YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
SEMPENA PELANCARAN PASARAYA MINI NEKMART DI KOMPLEKS BILIK
SEJUK BEKU NEKMAT TAMAN WAHYU, KUALA LUMPUR
12 JANUARI 2021 (SELASA)**

SALUTASI,

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) atas jemputan untuk Pelancaran Pasar Mini NEKmart, selain itu ini merupakan satu peluang dan kesempatan bagi saya untuk bersama-sama Ahli Persatuan Nelayan pada hari ini. Kehadiran saya pada hari ini adalah satu penghormatan kepada saudara dan saudari yang merupakan pejuang barisan hadapan jaminan bekalan dan sekuriti makanan negara.
2. Sepertimana yang saudara, saudari maklum tahun 2020 merupakan satu tahun yang amat sukar bagi kita semua. Pelbagai cabaran dan dugaan telah kita lalui sepanjang tempoh tersebut, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) juga telah memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kesinambungan bekalan makanan negara kekal terjamin sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah melalui beberapa fasa semenjak dikuatkuasakan bermula 18 Mac 2020, iaitu hanya beberapa hari selepas saya mengambilalih tugas sebagai Menteri MAFI pada 11 Mac 2020.
3. Sesungguhnya kejayaan negara kita dalam mengatasi gangguan bekalan makanan ketika mengharungi pandemik COVID-19 merupakan hasil usaha dan sokongan padu para peladang, penternak dan nelayan kita. Peranan anda sebagai barisan hadapan khususnya dalam membantu meneruskan semua aktiviti dan rantai makanan semasa kita berhadapan krisis penularan COVID-19 di tahun 2020, bukan sahaja telah dapat mengurangkan kesan dan

impak terhadap ekonomi, malah turut menyelamatkan sektor pertanian dan industri makanan negara.

4. Berikutan pandemik COVID-19 yang melanda di negara kita dan juga seluruh dunia, MAFI telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan bekalan makanan utama negara seperti beras, sayur-sayuran, ayam, telur, ikan, daging dan buah-buahan sentiasa mencukupi untuk keperluan negara.
5. Pada tahun ini, MAFI telah diberikan peruntukan sebanyak RM4.79 bilion untuk terus merencanakan sektor pertanian dan industri makanan. Peruntukan ini merangkumi perbelanjaan mengurus sebanyak RM3.28 bilion dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM1.51 bilion. Bajet 2021 merupakan belanjawan yang tertinggi dalam sejarah negara dengan peruntukan berjumlah RM322.5 bilion. Bajet kali ini merangkumi pelbagai bantuan dan inisiatif strategik serta bersasar yang pastinya akan membantu seluruh rakyat Malaysia di semua sektor termasuk sektor pertanian dan industri makanan.
6. Melalui Bajet 2021, MAFI juga telah menerima RM1.7 bilion bagi pemberian subsidi, insentif dan bantuan untuk petani dan nelayan. Insentif dan bantuan ini adalah bertujuan untuk memelihara kebajikan golongan petani, penternak dan nelayan di samping meningkatkan daya saing menerusi peningkatan produktiviti, kualiti dan kecekapan. Selain itu berita paling menggembirakan juga turut diumumkan melalui Bajet 2021 iaitu peningkatan Elaun Sara Hidup Nelayan daripada RM250 kepada RM300 sebulan dan Elaun Sara Hidup Nelayan Darat daripada RM200 kepada RM250 bagi setiap nelayan. Pertambahan ini akan memanfaatkan 40,000 nelayan laut dan 3,400 nelayan darat di mana Kerajaan telah mengembalikan elaun yang sebelum ini telah dipotong supaya dapat meringankan beban yang ditanggung oleh para nelayan yang terjejas akibat pandemik COVID19.
7. Saya dimaklumkan, NEKMAT telah mewujudkan jualan ikan segar di NEKMAT Taman Wahyu Kuala Lumpur dan mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan. Jualan ikan segar ini dimulakan pada 17 Mac 2020 iaitu sebelum bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sejurus bermulanya PKP, program jualan ikan segar NEKMAT di Taman Wahyu telah menarik minat pelanggan dari sekitar Lembah Klang termasuk penduduk berdekatan di sekitar Shah Alam, Bangi, Putrajaya, Rawang dan juga Cheras.
8. Diharapkan kewujudan Pasar Mini NEKmart ini juga dapat membantu usahawan bimbingan MAFI dan LKIM terutamanya Persatuan Nelayan Negeri dan Kawasan, usahawan bumiputera dan Industri Kecil Sederhana (IKS), yang turut terjejas akibat Covid-19. Pasar Mini NEKmart ini bukan sahaja membantu para usahawan untuk menjual produk makanan, malah berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran produk- produk mereka.

9. Justeru pada hari ini saya berbesar hati untuk melancarkan Pasar Mini NEKMart yang merupakan satu lagi inisiatif dan langkah ke hadapan NEKMAT bagi memudahkan pelanggan NEKMAT untuk mendapatkan produk dan keperluan makanan harian, selain ikan segar semata-mata.

Sekian dan terima kasih.